KETUA PENGARAH PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

lwn.

GOW SOO TAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
SULAIMAN DAUD H
[RAYUAN SIVIL NO: 11-14-2002]
30 APRIL 2004

UNDANG-UNDANG BURUH: *Keselamatan sosial - Tuntutan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 - Kemalangan berlaku semasa pekerja mengambil bahagian dalam acara sukan majikan - Sama ada kemalangan berlaku dalam masa pekerja menjalankan pekerjaannya - Sama ada kemalangan suatu kes bencana kerja di bawah Akta*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Rayuan daripada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial - Sama ada rayuan teratur kerana melibatkan soal fakta - Sama ada rayuan semestinya melibatkan soal undang-undang sahaja - Akta Keselamatan Sosial 1969, ss. 91*

Responden kes ini ialah seorang kerani bank kewangan dan pencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 ('Akta'). Beliau mengalami kemalangan semasa mengambil bahagian di dalam acara sukan tahunan bank tersebut. Beliau seterusnya membuat tuntutan di bawah Akta bagi mendapatkan faedah hilang upaya. Tetapi tuntutannya itu ditolak oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial ('PKS') atas alasan bahawa kemalangan tersebut bukan satu bencana kerja yang dilindungi di bawah Akta. Responden kemudiannya merayu kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') yang membenarkan rayuan. Maka rayuan ketua pengarah PKS ('perayu') ini.

Isu-isunya ialah: (1) sama ada rayuan ini teratur memandangkan rayuan terhadap keputusan JRKS mesti melibatkan soalan undang-undang yang matan sahaja; (2) sama ada kemalangan tersebut yang berlaku dalam acara tahunan majikan di waktu kerja adalah satu bencana kerja dalam pengertian s. 2(6) Akta.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

[1] Seksyen 91 Akta tidak mengeluarkan hak seseorang yang terkilan dengan keputusan JRKS untuk merayu ke Mahkamah Tinggi. Bagaimanapun hak rayuan terhad kepada perkara yang menyentuh soalan undang-undang yang matan sahaja. Namun demikian, isu atau soalan undang-undang tidak boleh dipisahkan dengan fakta yang berkenaan dengannya. Oleh itu, hak merayu tidak akan hilang jika perkara yang dirayukan itu menyentuh soalan fakta dan undang-undang. (ms 452 h & 453 a)

[2] Pihak-pihak kes ini didapati tidak membangkitkan apa-apa persoalan tentang fakta. Perkara yang dipertikaikan menyentuh pentafsiran sama ada kecederaan yang dialami responden "disebabkan oleh kemalangan … yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya". Perkara yang menyentuh tentang pentafsiran peruntukan undang-undang dan pemakaiannya bagi fakta-fakta tertentu seperti rayuan ini adalah suatu soal undang-undang yang matan dan termasuk dalam skop s. 91(2) Akta. (ms 453 c)

[3] Apabila sesuatu undang-undang bertulis memperuntukkan hak untuk merayu maka remedi itu hendaklah dipatuhi dan mengatasi apa-apa remedi lain termasuk semakan kehakiman. Perlu ditegaskan bahawa remedi semakan kehakiman lebih melibatkan isu mengenai proses dan prosedur membuat sesuatu keputusan dan tidak kepada merit sesuatu keputusan itu. Adalah tidak diragui bahawa rayuan ini tidak langsung menyentuh proses atau prosedur JRKS dalam mencapai keputusannya. (ms 453 d-e)

[4] Tiga elemen perlu dipenuhi untuk sesuatu bencana kerja termasuk dalam takrifan "bencana kerja" di bawah s. 2(6) Akta, iaitu (1) kecederaan itu hendaklah terbit daripada pekerjaan; (2) ia juga hendaklah terbit dalam masa menjalankan pekerjaan; dan (3) pekerjaan itu semestinya suatu perusahaan yang terpakai di bawah Akta. (ms 455 e-f)

[5] Penyertaan responden dalam acara sukan tahunan itu boleh dikatakan terbit daripada pekerjaannya kerana dia diwajibkan hadir oleh majikannya atas sifatnya sebagai seorang pekerja.Tetapi kemalangan itu tidak terbit dalam masa responden menjalankan pekerjaannya kerana kecederaan yang dialami responden tidak ada kena mengena atau berkaitan langsung dengan skop bidang tugasnya sebagai seorang kerani bank. Jikapun majikan responden mengkehendaki pekerjanya terlibat dalam aktiviti sukan, tetapi aktiviti tersebut terkeluar daripada takrifan perusahaan di bawah Akta. Adalah tidak wajar untuk memperluaskan pemakaian Akta kepada perusahaan-perusahaan lain yang tidak dihasratkan oleh Akta. (ms 456 a-f)

[6] Jika seseorang majikan itu mengkehendaki pekerjanya menjalankan sesuatu aktiviti yang lain daripada tugas dan kewajipan asalnya, maka ianya hendaklah bertanggungan ke atas apa-apa bencana yang dialami oleh pekerjanya semasa menjalankan tugas dan kewajipan tersebut. Adalah tidak adil dan wajar untuk mengenakan apa-apa tanggungan ke atas Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah Akta bagi membayar apa-apa tuntutan akibat bencana yang berlaku kepada seorang pekerja semasa menjalankan tugas dan kewajipan yang tidak termasuk dalam bidang tugasnya. (ms 456 g)

Kes-kes yang dirujuk:
R v. Industrial Injuries Commissioner ex p Amalgamated Engineering Union [1966] 1 All ER 97 ***(dibezakan)***
R v. National Insurance Commissioner, ex p Michael [1977] 2 All ER 420 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Employees' Social Security Act 1969, ss. 2(6), (10), 83, 91(2)

Sumber-sember yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England, 4th edn, ms 136

Bagi pihak perayu - Azlina Mohd Isa; T/n Skrine
Bagi pihak responden - Alphone Manikam; T/n Malek & Assoc

*[**Nota pengarang:** Lihat keputusan bercanggah dalam kes Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn. Nor Azian Adnan [2004] 3 CLJ 458 yang juga diterbitkan di dalam isu ini.]*

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud H:
Ini adalah rayuan Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial terhadap keseluruhan keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial yang diberikan pada 27 Julai 2002.

Fakta Kes
Responden adalah seorang kerani di Arab Malaysia Finance Bhd ("majikan") sejak 1 November 1990 dan pencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 ("Akta"). Pada 10 Jun 2002 responden telah mengambil bahagian dalam sukan tahunan majikannya. Semasa menyertai larian 100 meter pada pukul 10 pagi, dia telah mendapat kecederaan di bahagian buku lalinya, iaitu "rupture right tendon archilles". Dia mendapatkan rawatan di Kuantan Specialist Hospital pada 25 Julai 2000 dan telah menjalani pembedahan bagi merawat keadaannya. Kebetulannya hari sukan itu adalah hari kerja responden dengan waktu kerja dari 9 pagi hingga 1 tengah hari.

Dia telah membuat tuntutan bagi mendapatkan faedah hilang upaya di bawah Akta. Bagaimanapun tuntutannya telah ditolak oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial ("Pertubuhan") atas alasan bahawa kemalangan yang menimpanya bukanlah suatu "bencana kerja" yang dilindungi di bawah Akta. Responden kemudiannya telah memohon bagi pertikaian itu diputuskan oleh Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ("Jemaah Rayuan"). Jemaah Rayuan yang mendengar permohonan itu telah memutuskan bahawa kecederaan responden tersebut adalah

kecederaan yang 'terbit dan dalam masa menjalankan pekerjaannya (arising out of and in the course of employment)'. Jemaah Rayuan telah mencapai keputusan sedemikan atas pertimbangan bahawa kehadiran dan penyertaan responden di sukan tersebut adalah atas perintah sah majikan dan mempunyai akibat tatatertib.

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial, selaku perayu, telah mengemukakan empat alasan rayuan yang pada pendapat saya boleh dicantumkan ke dalam satu isu pokok, iaitu sama ada kecederaan yang dialami oleh responden semasa mengambil bahagian dalam acara sukan tahunan majikannya di waktu kerja adalah suatu bencana kerja dalam pengertian s. 2(6) Akta.

Sama Ada Rayuan Ini Teratur

Selain menimbulkan soal pentafsiran peruntukan-peruntukan Akta yang berkenaan, peguam terpelajar responden juga telah membangkitkan isu tentang prosedur. Beliau menarik perhatian mahkamah bahawa rayuan ini pada hakikatnya adalah suatu cabaran terhadap keputusan suatu badan yang ditubuhkan oleh Menteri di bawah undang-undang, khususnya s. 83 Akta. Beliau selanjutnya merujuk kepada s. 91 Akta dan menegaskan bahawa perintah Jemaah Rayuan hanya boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi jika terdapat suatu soalan undang-undang yang matan. Menurut beliau rayuan di hadapan mahkamah ini tidak menyentuh soal undang-undang semata-mata tetapi melibatkan soal undang-undang dan fakta kedua-duanya. Justeru itu beliau menghujahkan bahawa remedi yang ada pada perayu adalah untuk mencabar atau menentang keputusan Jemaah Rayuan tersebut melalui suatu 'prerogative order' seperti *certiorari*.

Seksyen 91 Akta adalah dibaca seperti berikut:

> 91 (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyatanya dalam seksyen ni, tiada apa-apa rayuan boleh dibuat terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini.
>
> (2) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini jika rayuan itu berkenaan dengan soal undang-undang yang matan.
>
> (3) Had tempoh bagi sesuatu rayuan di bawah seksyen ini ialah enam bulan dari tarikh perintah itu dibuat.

Adalah tidak diragukan bahawa s. 91 tersebut tidak mengeluarkan hak seseorang yang terkilan dengan keputusan Jemaah Rayuan untuk merayu ke Mahkamah Tinggi. Bagaimanapun hak rayuan ini terhad atau terbatas mengenai perkara yang menyentuh soal undang-undang yang matan sahaja. Pada pendapat saya hasrat badan perundangan dalam perkara ini adalah jelas. Ia mengiktirafi kuasa

Mahkamah Tinggi untuk menghakimkan sesuatu keputusan badan atau tribunal yang ditubuhkan di luar hiraki mahkamah dalam hal atau perkara yang menyentuh tentang soal undang-undang yang matan. Isu atau soal undang-undang tidak boleh dipisahkan dengan fakta yang berkenaan dengannya. Oleh itu saya tidak dapat menerima hujah peguam terpelajar responden bahawa hak merayu sedemikian akan hilang jika perkara yang dirayukan itu menyentuh soal fakta dan undang-undang.

Walau apa pun dalam kes sekarang ini saya dapati pihak-pihak tidak membangkitkan apa-apa persoalan tentang fakta. Adalah jelas bahawa perkara yang dipertikaikan dalam rayuan ini menyentuh pentafsiran sama ada kecederaan yang dialami responden "disebabkan oleh kemalangan ... yang terbit daripada dan dalam masa menjafankan pekerjaannya". Pada pendapat saya perkara yang menyentuh tentang pentafsiran peruntukan undang-undang dan pemakaiannya bagi fakta-fakta tertentu seperti rayuan sekarang ini adalah suatu soal undang-undang yang matan dan termasuk dalam skop s. 91(2) tersebut.

Saya juga berpendapat apabila sesuatu undang-undang bertulis memperuntukkan hak untuk merayu maka remedi itu hendaklah dipatuhi dan mengatasi apa-apa remedi lain termasuk semakan kehakiman (judicial review). Perlu ditegaskan bahawa remedi semakan kehakiman lebih melibatkan isu mengenai proses dan prosedur membuat sesuatu keputusan dan tidak kepada merit sesuatu keputusan itu. Adalah tidak diragui bahawa rayuan sekarang ini tidak iangsung menyentuh proses atau prosedur Jemaah Rayuan dalam mencapai keputusannya. Oleh itu jelas bahawa isu awalan yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar responden ini tidak mempunyai apa-apa merit.

Sama Ada Kemalangan Yang Dimaksudkan Suatu Bencana Kerja

Peguam terpelajar perayu telah merujuk kepada takrifan "bencana kerja" dalam s. 2(6) Akta dan menghujahkan bahawa hanya kemalangan yang 'terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan' diliputi oleh takrifan tersebut. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa kecederaan yang berlaku ke atas seseorang semasa mengambil bahagian dalam acara sukan yang dianjurkan oleh majikannya tidaklah termasuk dalam takrifan tersebut. Rujukan telah dibuat kepada kes *R v. National Insurance Commissioner , ex parte Michael* [1977] 2 All ER 420, dan *Faulkner v. Chief Adjudicator Officer* The Times 8 April 1994, kedua-duanya keputusan Mahkamah Rayuan UK.

Dalam kes pertama *Ex Parte Michael*, mahkamah telah berdepan dengan isu yang sama, iaitu sama ada kecederaan yang dialami oleh seorang anggota polis semasa mewakili pasukan angkatan polis dalam perlawanan bola sepak yang diadakan di luar waktu kerjanya merupakan satu kecederaan 'akibat kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya' (arising out of and in the course of his employment). Dalam kes itu Lord Denning MR telah berkata di ms 424:

> In my opinion, therefore, it is a mistake in this situation to apply the test of whether he was doing something 'reasonably incidental' to his employment. The sole question is whether this accident arose 'in the course of his employment'. To my mind it did not. It was not part of his employment to play in this game of football. He was playing in his off-duty time or his rest day. He was in no different position from the bank clerk. Even if he was playing in his 'on-duty' time, it would be the same.

Kes *Faulkner* pula melibatkan tuntutan kemudahan hilang upaya oleh seorang pegawai polis di bawah Social Security Act 1975 UK berikutan kecederaan yang dialaminya semasa bermain bola sepak untuk kelab bola sepak polis. Mahkamah telah bersetuju dengan keputusan tribunal yang menolak tuntutan itu bahawa kecederaan yang dialami perayu tidaklah terbit dalam masa menjalankan pekerjaannya kerana bermain bola bukanlah sebahagian daripada tugasnya sebagai seorang polis dan juga bukan suatu tindakan yang bersampingan dengan tugasnya sedemikian.

Peguam terpelajar responden pula menghujahkan bahawa kes *Ex Parte Michael* dan *Faulkner* tersebut hanya mempunyai 'persuasive authority' dan tidak mengikat mahkamah ini. Selanjutnya beliau menghujahkan bahawa kes-kes tersebut juga boleh dibezakan dengan kes sekarang ini, pertamanya kemalangan berlaku semasa waktu kerja biasa dan tidak di luar masa kerja, keduanya responden diwajibkan mengambil bahagian dalam karnival sukan tersebut sebagai mematuhi arahan majikannya.

Beliau selanjutnya merujuk kepada petikan dalam kes *R v. Industrial Injuries Commissioner Ex Parte Amalgamated Engineering Union* [1966] 1 All ER 97 di mana telah diputuskan bahawa ujian sama ada seseorang itu bertindak dalam masa menjalankan pekerjaannya ialah sama ada apa yang dilakukannya adalah sesuatu yang bersampingan dengan kontrak perkhidmatannya walaupun dia tidak berkewajipan untuk melakukannya; dan ia adalah suatu soalan fakta dan darjah (question of fact and degree).

Rujukan juga dibuat kepada *Re Mohan s/o Ramasamy*, iaitu suatu keputusan Jemaah Rayuan (8/83), yang memutuskan bahawa kecederaan yang dialami oleh seseorang pekerja semasa menjalankan gotong royong adalah kecederaan yang dialami dalam masa menjalankan pekerjaannya. Keputusan itu dibuat atas alasan bahawa gotong royong tersebut dilakukan semasa waktu kerja dan sebagai mematuhi kontrak perkhidmatannya yang menghendakinya melakukan apa-apa tugas tambahan atau tugas khas yang diarahkan oleh majikannya.

Seterusnya peguam terpelajar itu juga telah merujuk kepada *Halsbury's Laws of England*, 4th edn di ms 136 yang dibaca seperti berikut:

> Accident during recreation and training. Generally, an accident which results from an activity in which the claimant is obliged to engage by virtue of the terms (whether express or implied) of his contract of employment should be regarded as arising in the course of his employment. Therefore, where the participation in recreation is part of the claimant's duty, or such a normal and regular incident of his duty that it can be regarded as part of it, an accident in the course of that participation arises out of and in the course of his employment.

Dengan berlandaskan kepada autoriti-autoriti tersebut di atas peguam terpelajar tersebut menghujahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh responden hendaklah dikira sebagai berpunca dari kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya oleh kerana penyertaannya dalam karnival itu adalah pada mematuhi arahan majikannya selaras dengan terma kontrak perkhidmatannya. Tambah beliau penglibatan dalam aktiviti sukan sedemikian juga memberi faedah kepada majikannya kerana menyumbang secara besar pada kesihatan mental dan fizikal seseorang pekerja.

"Bencana kerja" ditakrifkan di bawah s. 2(6) sebagai 'bencana pada seorang pekerja sendiri disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam suatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai'.

Daripada takrifan tersebut di atas saya bersetuju dengan pandangan Lord Denning MR dalam kes *Ex Parte Michael* bahawa untuk sesuatu bencana itu termasuk dalam takrifan bencana kerja dua elemen utama perlu dipenuhi, iaitu pertamanya kecederaan itu hendaklah terbit daripada pekerjaannya, dan keduanya ia juga hendaklah terbit dalam masa menjalankan pekerjaannya. Selain daripada itu, daripada takrifan "bencana kerja" tersebut pada pendapat saya terdapat elemen ketiga yang perlu dipenuhi, iaitu pekerjaannya hendaklah suatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai.

Di bawah s. 2(10) Akta "perusahaan" ditakrifkan sebagai 'perniagaan, perdagangan, pengusahaan, perkilangan atau pekerjaan majikan, dan termasuklah apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pertukangan tangan atau kerja perusahaan pekerja-pekerja.

Dalam kes sekarang ini responden adalah seorang kerani bank dan kecederaan yang dialaminya terbit daripada suatu acara sukan yang disertai dalam karnival sukan yang dianjurkan oleh majikannya. Mengikut surat majikan responden (di ms 18 Rekod Rayuan) para pekerja diwajibkan untuk menghadirkan diri bagi memeriahkan acara tersebut dan kegagalan akan menjejaskan penilaian prestasi tahunan seseorang. Pekerja juga diwajibkan hadir sepanjang masa karnival sukan sehingga ianya tamat tetapi bagaimanapun ketidakhadiran sedemikian tidak akan mengakibatkan gaji pekerja dipotong.

Daripada fakta tersebut di atas saya dapati bahawa penyertaan responden dalam acara sukan tahunan itu boleh dikatakan terbit daripada pekerjaannya kerana dia diwajibkan hadir oleh majikannya atas sifatnya sebagai seorang pekerja. Semasa menghadiri dan mengambil bahagian dalam karnival tersebut dia telah mengalami kecederaan. Oleh itu kecederaan itu bolehlah dikatakan disebabkan oleh suatu kemalangan yang terbit daripada pekerjaannya kerana jika dia tidak bekerja di bank tersebut sudah semestinya dia tidak diwajibkan hadir sedemikian.

Walau bagaimanapun, fakta bahawa kecederaan itu disebabkan kemalangan yang terbit daripada pekerjaannya sahaja masih tidak mencukupi bagi memenuhi kehendak takrifan "bencana kerja" tersebut. Elemen kedua yang mesti dipenuhi ialah bahawa kemalangan itu juga hendaklah terbit dalam masa menjalankan pekerjaannya. Walaupun peguam terpelajar responden menegaskan bahawa adalah termasuk dalam terma kontrak perkhidmatan responden untuk mematuhi apa-apa arahan majikannya tetapi pada pendapat saya arahan tersebut hendaklah hanya bersampingan atau berkaitan dengan pekerjaannya sebagai seorang kerani bank.

Pada pendapat saya adalah tidak termasuk dalam, atau menjadi sebahagian daripada, tugas atau kewajipan responden, sebagai seorang kerani bank, untuk terlibat dalam aktiviti sukan dalam atau di luar masa kerjanya. Oleh itu tiada apa-apa aktiviti sedemikian boleh disiratkan daripada terma kontrak perkhidmatannya. Adalah jelas pada saya bahawa kecederaan yang dialami responden tersebut tidak ada kena mengena atau berkaitan langsung dengan skop bidang tugasnya sebagai seorang kerani bank.

Jikapun majikan responden menghendaki pekerjanya terlibat dalam aktiviti sukan tetapi pada pendapat saya aktiviti tersebut tidaklah dilindungi di bawah Akta kerana terkeluar daripada takrifan perusahaan yang baginya Akta ini terpakai. Adalah tidak wajar untuk memperluaskan pemakaian Akta bagi perusahaan-perusahaan yang lain daripada yang dihasratkan oleh Akta. Jika seseorang majikan itu berkehendakkan pekerjanya menjalankan sesuatu aktiviti yang lain daripada tugas dan kewajipan asalnya, maka ia hendaklah bertanggungan ke atas apa-apa bencana yang dialami oleh pekerjanya semasa menjalankan tugas dan kewajipan tersebut. Adalah tidak adil dan wajar untuk mengenakan apa-apa tanggungan ke atas Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah Akta bagi membayar apa-apa tuntutan akibat bencana yang berlaku pada seseorang pekerja semasa menjalankan tugas dan kewajipan yang tidak termasuk dalam bidang tugasnya.

Ternyata kes *Industrial Injuries Commissioner Ex Parte Amalgamated Engineering Union* yang dirujuk oleh peguam terpelajar responden juga tidak memihak kepadanya. Dalam kes itu telah diputuskan bahawa kecederaan yang dialami pada waktu rehat minum teh semasa menunggu giliran untuk masuk ke petak merokok yang disediakan oleh majikannya bukanlah kecederaan disebabkan oleh kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa pekerjaannya. Kes *Re Mohan s/o Ramasamy* hanyalah suatu keputusan oleh Jemaah Rayuan. Bagaimanapun saya tidak dapat menilai ketepatan keputusan kes tersebut kerana hanya dipetik daripada buku teks tanpa mengemukakan kes sepenuhnya. Walau apa pun saya dapati daripada fakta yang ada bahawa kes itu boleh dibezakan dengan kes sekarang ini. Dalam kes tersebut kemalangan berlaku semasa pekerja menjalankan kerja-kerja tambahan dan khas yang diliputi oleh terma kontrak perkhidmatan pekerja yang terlibat.

Atas alasan-alasan tersebut di atas saya benarkan rayuan ini dengan kos.